

## SIARAN MEDIA

### MITI PERKENAL PROSES ALTERNATIF UNTUK PENGESAHAN SIJIL TEMPASAL BAGI SYARIKAT SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah memperkenalkan proses alternatif bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia mendapatkan pengesahan Sijil Tempasal (Certificate of Origin-CO) di bawah skim-skim Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) (selain *ASEAN Trade in Goods Agreement (ATIGA) e-Form D*) sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), bermula 30 Mac 2020 hingga 14 April 2020.

Ini berikutan penutupan sementara Kaunter Perkhidmatan MITI di Menara MITI serta di pejabat-pejabat MITI Wilayah bagi urusan pengesahan CO.

Langkah yang diambil ini penting bagi memastikan urusan eksport dan import ke negara-negara FTA dan *Generalised System of Preferences (GSP)* dapat diteruskan dengan lancar.

#### **Pengesahan CO bagi lain-lain skim FTA dan GSP**

Bagi mematuhi arahan PKP, pengesahan CO akan dibuat secara *back-office* di Menara MITI dan MITI Wilayah kecuali MITI Melaka atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan mengikut jadual seperti berikut:

Urusan	Waktu Operasi	Penerangan Proses
<b>Penghantaran CO:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Form A</li> <li>• Form E</li> <li>• Form AK</li> <li>• Form AJ</li> <li>• Form AI</li> </ul>	Setiap Isnin 9.00 pagi – 1.00 tengahari	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Syarikat dikehendaki meletakkan CO yang memerlukan pengesahan di dalam sampul surat;</li> <li>2. Nama, alamat syarikat dan jumlah CO hendaklah ditulis</li> </ol>



Urusan	Waktu Operasi	Penerangan Proses
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Form AANZ</li> <li>• Form AHKFTA</li> <li>• Form MJEPA</li> <li>• Form MPCEPA</li> <li>• Form MNZFTA</li> <li>• Form MCFTA</li> <li>• Form MICECA</li> <li>• Form MAFTA</li> <li>• Form MTFTA</li> </ul>		<p>di hadapan sampul surat;</p> <p>3. Sampul surat yang mengandungi CO tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti/kotak yang disediakan di lobi utama MITI /MITI Wilayah berdasarkan nama syarikat mengikut abjad; dan</p> <p>4. Hanya CO yang lengkap sahaja akan diproses.</p>
<p><b>Pengambilan CO</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Form A</li> <li>• Form E</li> <li>• Form AK</li> <li>• Form AJ</li> <li>• Form AI</li> <li>• Form AANZ</li> <li>• Form AHKFTA</li> <li>• Form MJEPA</li> <li>• Form MPCEPA</li> <li>• Form MNZFTA</li> <li>• Form MCFTA</li> <li>• Form MICECA</li> <li>• Form MAFTA</li> <li>• Form MTFTA</li> </ul>	<p>Setiap Khamis 9.00 pagi – 1.00 tengahari</p>	<p>Syarikat boleh mengambil CO yang telah disahkan di dalam peti/kotak yang disediakan di lobi utama MITI/MITI Wilayah berdasarkan nama syarikat mengikut abjad.</p>
<p><b>Tiada Urusan Kaunter MITI Melaka</b></p>	<p>Melalui kurier/pos kepada:</p> <p><b>1. Pengarah MITI Wilayah Johor</b> Aras 13, Lot 1-4, Bangunan TH (Tabung Haji), Jalan Ayer Molek, 80000 Johor Bahru</p> <p><b>2. Pengarah Kanan Bahagian Sokongan</b></p>	<p>Syarikat dikehendaki menyediakan sampul surat pra bayar yang lengkap berselem dengan alamat sendiri bagi tujuan pemulangan CO.</p>



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Urusan	Waktu Operasi	Penerangan Proses
	<b>Perdagangan dan Industri</b> Kaunter Lobi Menara MITI, No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah, 50622 Kuala Lumpur.	

### **Pengesahan CO bagi skim ATIGA**

Bagi tujuan eksport ke negara-negara ASEAN di bawah ATIGA, penggunaan ATIGA *e-Form D* bagi permohonan *Normal*, *Back-to-Back* dan *Third Country Invoicing* akan terus dilaksanakan. Ini bermakna, pengesahan Form D secara manual adalah **tidak dibenarkan**.

Untuk maklumat lanjut, syarikat-syarikat Malaysia boleh emel kepada [alofficerskpi@miti.gov.my](mailto:alofficerskpi@miti.gov.my).

**-TAMAT-**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri (MITI)**

**Ahad, 29 Mac 2020**

### **Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

**Pertanyaan Media:**

Unit Komunikasi Strategik

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)